



30 JAN, 2023

THT dapatkan sentuhan jurulatih, pemain Korea Selatan

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

THT dapatkan sentuhan jurulatih, pemain Korea Selatan

Oleh **TENGGU DANISH BAHRI**
TENGGU YUSOFF

JUARA berganda Liga Hoki Malaysia (MHL) musim lalu, Pasukan Hoki Terengganu (THT) memperbaruhkan 'aura' Korea Selatan bagi saingan musim ini.

THT kini dilatih Seo Jongho sebagai pengendali baharu menggantikan Roslan Jamaluddin selain diperkuat tiga tonggak import antaranya bekas penjaring terbanyak MHL, Jang Jonghyun.

Presiden Persatuan Hoki Terengganu, Mohd. Fikri Harun berkata, selain Jonghyun, bintang muda Korea Selatan Yoo Seong Ho, 20, dan Choi Hoil, 22, juga akan menyalur jersi THT.

Beliau berkata, kehadiran Jongho tidak asing lagi buat THT setelah pernah menjadi pembantu Dharma Raj Abdullah pada musim 2020, manakala Jonghyun pula merupakan antara pemain digeruni dalam MHL.

"Ini adalah cubaan berani THT kerana Jongho akan menampilkan perubahan taktikal yang lebih baik dan beliau juga tahu



PARA pemain pasukan lelaki THT bergambar bersama pada Majlis Pelancaran Jersi dan Memperkenalkan Penaja sempena musim baharu TNB Liga Hoki Malaysia di Kuala Terengganu.

kualiti dan tahap permainan pemain-pemain sedia ada.

"Seong Ho dan Hoil pula bakal membarisi skuad senior Korea Selatan sebaik tamat Piala Dunia selain merupakan antara pakar flik terbaik remaja Asia," katanya pada

majlis memperkenalkan pasukan di Kuala Terengganu semalam.

Mohd. Fikri berkata, sasaran musim ini ialah mencapai juara 'treble' iaitu mengekalkan kejuaraan Piala Sumbangsih dan liga serta merampas Piala TNB.

Tambah beliau, THT juga kekal diperkuat dengan pasangan adik-beradik, Faizal dan Fitri Saari serta pemain negara, Hafizuddin Othman, Mohammad Marhan Jalil dan Muhammad Arif Syafe Ishak.

Dalam pada itu, Mohd. Fikri memberitahu, negeri itu juga kembali diwakili pasukan bagi saingan wanita selepas kali terakhir Pasukan Hoki Wanita Terengganu (TLHT) mengambil bahagian pada musim 2020.